

**TEKS PERUTUSAN KHAS
SELAMAT HARI NATAL TAHUN 2022
DAN TAHUN BAHARU 2023
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana sekali lagi berpeluang mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada seluruh rakyat di negeri ini terutama sekali kepada mereka yang beragama Kristian. Seperti juga sambutan perayaan-perayaan lain di negara ini, Perayaan Hari Natal memberi kesempatan dan peluang kepada kita untuk berbalas-balas ucapan selamat di kalangan ahli keluarga, sahabat handai serta semua lapisan masyarakat.

2. Selain itu, tradisi rumah terbuka dan kunjung mengunjung sudah tentu akan terus menjadi amalan dalam masyarakat kita, termasuk semasa menyambut Perayaan Hari Natal ini. Amalan ini akan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan, persaudaraan, persahabatan dan seterusnya membentuk masyarakat yang sentiasa bersatu padu dan harmoni.

3. Kepelbagaian budaya dan perbezaan anutan agama oleh penduduk di negeri ini merupakan satu khazanah yang istimewa. Kita bersyukur kerana seluruh lapisan masyarakat sentiasa menyemarakkan sikap toleransi demi mempertahankan keharmonian serta perpaduan dalam kepelbagaian.

KEPENTINGAN MENJAGA KEHARMONIAN

4. Keharmonian ini perlu terus dipelihara demi kestabilan dan keamanan negeri ini khususnya dan negara Malaysia amnya. Pada

masa yang sama, kita perlu sentiasa berhati-hati dan mengelak daripada mencetuskan sebarang bentuk provokasi kaum dan agama yang akan hanya merugikan semua pihak. Sikap toleransi dan amalan menghormati kepercayaan kaum-kaum lain perlu sentiasa dipupuk dan dipelihara. Justeru, melalui perayaan Hari Natal ini, ia sudah tentu akan menjadi salah satu wadah memupuk kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

5. Perpaduan dan hubungan harmoni antara pelbagai kaum adalah penting dalam menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran, seterusnya menjadi kunci kepada pembangunan yang pesat. Dalam keadaan negara yang sedang melalui proses pemulihan akibat pandemik COVID-19, kita perlu terus bersatu dan bekerjasama dalam menangani pelbagai cabaran supaya usaha memulihkan semua sektor yang terkesan terutama dalam sektor pekerjaan, pendidikan, ekonomi dan pelancongan akan segera tercapai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

6. Dalam keseronokan menyambut perayaan dan berkunjung ke rumah sanak saudara dan rakan taulan, semua lapisan masyarakat perlu terus mengekalkan penjagaan sendiri dan berhati-hati agar tidak membuka ruang kepada penyebaran COVID-19. Kita perlu patuh kepada nasihat dan SOP yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh kerajaan untuk memastikan kita semua terlindung daripada ancaman COVID-19. Saya juga ingin menasihati seluruh lapisan rakyat agar sentiasa mengutamakan keselamatan diri dan orang lain, khususnya ketika berada di jalanraya semasa musim perayaan ini.

7. Selain itu, kita perlu sentiasa mengamalkan konsep berbelanja secara berhemah, apatah lagi perbelanjaan keluarga juga perlu difokuskan untuk persediaan persekolahan anak-anak

menjelang pembukaan sesi persekolahan kelak.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

MELANGKAH TAHUN BAHARU 2023 DENGAN TEKAD

8. Dalam beberapa hari sahaja lagi kita akan meninggalkan tahun 2022 dan melangkah ke tahun 2023. Maka dalam kesempatan ini, saya dan isteri juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 kepada seluruh lapisan rakyat. Semoga ketibaan tahun baharu ini akan menghadirkan sinar baharu dan suntikan azam yang lebih kuat untuk mengecapi lebih banyak kejayaan.

9. Kita perlu berusaha lebih gigih dan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang agar sentiasa bersedia untuk menghadapi apa juga cabaran yang

mendatang. Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai sumber, menyediakan banyak peluang dan potensi untuk diterokai. Potensi dan penerokaan ini sudah tentu lebih mudah direalisasikan untuk kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat jika kita memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan.

10. Marilah kita berganding bahu untuk melangkah ke tahun baharu 2023 ini dengan komitmen yang tinggi untuk negeri yang tercinta ini. Melalui jati diri yang kental dan sikap positif seperti tidak mudah mengalah, akan memastikan negeri ini terus maju jaya. Kita sedang berada di landasan yang tepat dalam proses pemulihan dan pelaksanaan program-program pembangunan. Insya-Allah, lebih banyak kejayaan akan dikecapi jika kita optimis dan sentiasa berusaha gigih untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang.

PENGHARGAAN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN

11. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negeri ini sama ada oleh agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua pihak yang terlibat. Usaha gigih dan berterusan dalam membendung penularan COVID-19 telah membolehkan negara memasuki fasa peralihan ke endemik, seterusnya membolehkan kerajaan memfokuskan kembali kepada usaha-usaha pemulihan dan pembangunan.

12. Kita berdoa semoga ekonomi negeri dan negara kita segera pulih, dilimpahi pembangunan, dijauhkan daripada persengketaan, kejadian bencana alam, hidup aman dan penuh harmoni dalam menjalani aktiviti harian sama ada ketika menyambut musim perayaan mahupun pada setiap masa.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya dan isteri serta seisi keluarga sekali lagi mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada semua rakyat yang beragama Kristian dan selamat menyambut Tahun Baharu 2023 kepada seluruh rakyat jelata di negeri ini.

Sekian, terima kasih dan salam sejahtera.